

**KEMAMAN** - Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said menyifatkan bencana banjir yang melanda Kemaman sebagai banjir paling buruk dalam tempoh empat dekad.

Beliau berkata, banjir kali ini lebih teruk daripada banjir pada 1971 kerana sehingga semalam, kawasan bandar turut terputus hubungan apabila kesemua laluan ditenggelami air.

Menurutnya, keadaan juga kian meruncing kerana bekalan makanan dan minuman di sekitar kedai di Chukai juga kehabisan membuatkan pihaknya terpaksa mencari alternatif lain dengan mengambil bekalan itu dari Pasar Raya Besar Giant Kijal.

Menurutnya, perhubungan dari Kemaman ke Kuantan yang telah terputus ekoran laluan ditenggelami air juga menimbulkan masalah kerana bekalan dari Kuantan tidak dapat sampai ke daerah ini.

"Tapi kita jangka sama ada petang ini atau esok bekalan dari Kuala Terengganu akan sampai. Sekarang kita terpaksa cari alternatif lain."



Keadaan banjir di Kemaman yang dilihat dari udara.

# **Kemaman lumpuh, bekalan makanan habis**

kita terpaksa guna bekalan sedia ada termasuk guna sumber air dari air mineral botol kerana bekalan air di sini juga terpaksa dipotong," katanya.

Menurutnya, keadaan lebih parah apabila bekalan elektrik terpaksa diputuskan dan menyebabkan berlaku masalah perhubungan berikutan terjadi gangguan talian telefon sekali gus mengakibatkan penduduk Chukai terputus hubungan dengan dunia luar.

"Dalam keadaan sekarang, elektrik juga terpaksa dipotong sejak semalam (kelmarin) untuk keselamatan. Apabila elektrik dipotong talian telefon tidak boleh beroperasi dan bekalan air juga tidak ada. Kita hanya dapat bekalkan elektrik di Hospital Kemaman, Pejabat Daerah Kemaman, Ibu Pejabat Polis (IPD) Kemaman dan beberapa buah pusat pemindahan banjir," katanya.

"Setakat ini, banjir ini adalah paling teruk dalam sejarah iaitu lebih teruk dari 1971 ketika saya berada di

tingkatan satu. Banjir ini paling besar sebab kita tengok dalam bandar dan Kampung Tengah Chukai pun dinaiki air.

"Jadi sekarang kita mengalami masalah dari segi logistik dan masalah perhubungan kerana gangguan talian telefon. Gangguan ini membuatkan kita alami kesukaran untuk menghubungi pusat-pusat pemindahan," katanya ketika ditemui di Pejabat Daerah Kemaman, Chukai selepas meninjau keadaan banjir di sekitar Kemaman, semalam.

Ahmad berkata, mangsa banjir di daerah ini juga dijangka meningkat kerana pada waktu malam ini jam 11 malam (malam semalam) dijangka berlaku fenomena pertembungan air laut pasang pada ketinggian 3.6 meter dengan air hulu yang turun.

Dalam pada itu, ditanya mengenai saranan Adun Batu Buruk, Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi supaya

kerajaan negeri mengisytiharkan darurat ekoran keadaan banjir yang buruk di Kemaman, kata beliau, pengisytiharan itu setakat ini tidak perlu kerana keadaan masih terkawal.

Bah yang semakin besar semalam juga mengakibatkan tebing Jambatan Sungai Limbong di Jalan Sulaimani runtuh dan jambatan itu ditutup.

"Jambatan tak runtuh lagi tapi yang runtuh tebing jambatan. Sekarang kawasan itu dah macam pesta bila ramai yang kerumun. Sebab itu saya nasihat jangan kerumun atau melintasi jambatan itu kerana malang tidak berbau," kata Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka melawat Kemaman hari ini bagi meninjau keadaan banjir di daerah ini.

Ahmad berkata, pemimpin nombor dua negara itu akan dibawa

meninjau keadaan kawasan yang terjejas di daerah ini.

"Tan Sri Muhyiddin juga akan melawat ke pusat-pusat pemindahan banjir untuk menziarahi dan bertanya khabar mangsa banjir," katanya.

### Mangsa banjir bertambah

Keadaan banjir di negeri ini semakin meruncing apabila jumlah mangsa banjir yang direkodkan sehingga jam 6 petang semalam bertambah kepada 7,489 orang berbanding seramai 5,089 orang seperti yang dilaporkan kelmarin.

Kesemua mangsa daripada 1,871 keluarga itu ditempatkan di 87 buah pusat pemindahan di enam daerah yang dilanda banjir melibatkan Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu, Marang, Besut dan Setiu.

Laman web rasmi kerajaan negeri melaporkan daerah Kemaman

masih mencatat angka tertinggi mangsa banjir iaitu bertambah kepada 3,816 orang daripada 909 keluarga yang ditempatkan di 37 pusat pemindahan.

Di Dungun pula, jumlah mangsa banjir turut bertambah berbanding semalam iaitu seramai 2,668 dari 670 buah keluarga yang ditempatkan di 29 pusat pemindahan di daerah itu.

Sementara itu, di Hulu Terengganu, jumlah mangsa banjir juga bertambah berbanding semalam iaitu seramai 844 mangsa dari 242 keluarga yang ditempatkan di 13 pusat pemindahan.

Keadaan hujan yang tidak berhenti menyebabkan beberapa daerah lain turut dinaiki air dan di Setiu, mangsa banjir bertambah kepada 99 orang dari 32 buah keluarga dan mereka ditempatkan di empat pusat pemindahan.

Di Marang pula terdapat seramai 56 mangsa banjir dari 16 buah keluarga ditempatkan di tiga buah pusat pemindahan iaitu di SK Pasir Puteh, Dewan Orang Ramai Kampung Temala dan SK Pengkalan Berangan.

Sementara itu, di Besut pula terdapat enam mangsa banjir dari dua buah keluarga ditempatkan di sebuah pusat pemindahan iaitu di Surau Kayu Kelat.

Laman web Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS) pula melaporkan dua batang sungai masih melepasi paras bahaya iaitu Sungai Dungun di Jambatan Jerangau dan Sungai Kemaman di Jambatan Air Putih manakala Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri dan Sungai Marang di Jambatan Pengakalan Berangan berada pada paras berjaga-jaga.



Tebing Jambatan Sungai Limbong di Chukai yang runtuh kira-kira jam 6 pagi semalam menyebabkan jambatan itu ditutup.



Ahmad disambut Pegawai Daerah Kemaman, Mohamad Kamil Othman di Pejabat Daerah Kemaman untuk mendengar taklimat mengenai banjir.